

01/11/2002

Pemuda, Puteri tubuh jawatankuasa tambah ahli

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda dan Puteri Umno akan menubuhkan jawatankuasa bersama bagi menjalankan gerakan menambah ahli dan pendaftaran pengundi.

Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata jawatankuasa berkenaan akan ditubuhkan sebaik saja barisan kepimpinan baru Puteri Umno dibentuk selepas Perhimpunan Agungnya, esok.

"Kita berharap dalam tempoh satu atau dua bulan ini jawatankuasa berkenaan dapat memikirkan kaedah terbaik untuk melaksanakan gerakan ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di sini, hari ini.

Hishammuddin berkata, lebih 500,000 ahli Umno termasuk kira-kira 200,000 anggota pergerakan berkenaan, serta 1.1 juta orang Melayu yang layak mengundi masih belum mendaftar sebagai pemilih.

Beliau tidak menolak kemungkinan menjadikan jawatankuasa itu sebagai jawatankuasa tetap kerana ramai yang perlu didaftarkan sebagai pengundi pada masa depan.

Selain itu, katanya, jawatankuasa bersama itu juga akan ditubuhkan pada peringkat negeri serta bahagian dan diharap diperluaskan meliputi semua parti komponen Barisan Nasional.

Hishammuddin berkata, sempena Ramadan ini, Pemuda Umno akan melaksanakan pelbagai kegiatan keagamaan termasuk majlis tadarus al-Quran, at-Tausiah (majlis mendengar nasihat) dan Hari Khidmat Ramadan.

Katanya, Briged Putera dan Remajanya akan mengadakan program khidmat masyarakat secara serentak di seluruh negara pada 23 November ini yang membabitkan kerja gotong-royong di peringkat bahagian dan cawangan.

Beliau turut mengumumkan penutupan program Tabung Ehsan Pelarian Afghanistan yang dilancarkan 3 Oktober tahun lalu selepas baki 150 tan pakaian disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Menteri Penerangan Pakistan, Nisar Menon, baru-baru ini.

"Pemuda Umno juga berjaya mengumpul sumbangan RM1.2 juta menerusi tabung itu dan akan disalurkan kepada pelarian Afghanistan sebaik saja proses mengaudit selesai dijalankan," katanya.

Beliau turut mengumumkan hasrat Pemuda Umno untuk mewujudkan rangkaian pemimpin muda Islam serantau bagi mengukuhkan kerjasama menangkis cubaan memburukkan Islam dan umatnya.